


# SISWA UKM

@siswa.ukm · Kolej Komuniti

Hantar Mesej



19 Ogos 2015 ·

#UKMinfo

SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan salah sebuah universiti yang terdapat di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan secara rasmi pada 18 Mei 1970. Kampus sementaranya dibuka di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Kini, kampus utama Universiti Kebangsaan Malaysia terletak di Bandar Baru Bangi, Selangor. Terdapat juga sebuah hospital pengajar, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) di Cheras, Kuala Lumpur dan sebuah kampus cawangan, juga di Kuala Lumpur.

Keperluan pendidikan tinggi untuk orang Melayu mula dibangkitkan pada 1903 dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja. Pada tahun 1917, Za'ba, seorang cendekiawan membangkitkannya dalam akhbar Lembaga Melayu. Ini diikuti pada tahun 1923, seorang tokoh pendidik A. Kadir Adabi, mengemukakan memorandum gagasan tersebut kepada DYMM Sultan Kelantan. Selepas merdeka, masalah perlanjutan pelajaran bagi pelajar sekolah menengah aliran Melayu dan sekolah agama Islam menyemarakkan lagi idea ini.

Kini UKM telah berkembang pesat dan mempunyai 13 buah fakulti,14

Sdn Berhad. UKM merupakan salah sebuah daripada 4 universiti di Malaysia yang bertaraf universiti penyelidikan.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menduduki tangga ke-31 dalam ranking Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings tahun 2012 bagi universiti di bawah 50 tahun penubuhannya dan menduduki tangga ke-53 (2011) dan ke-58 (2012) dalam ranking QS Top 500 Asian University Rankings.

Ihsan dari
Nurul Aziera
Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina





169

2 Komen 44 Perkongsian

Suka Komen Kongsi

Paling Relevan

Tulis komen...

**Asari Idris**
Kalau tak silap saya gambar ini diambil pada tahun 1977. Berdiri dua dari kanan tu guru seni silat gayong UKM tahun 1977, Mohd Yusuf. dia juga penuntut tahun dua fakulti Ekonomi dan Pengurusan 1977/1978.

3

**Suka** · **Balas** · 5t